

KEPIMPINAN PENGETUA DALAM MENANGANI MASALAH DISIPLIN PELAJAR

HAMZAH BIN MAT ALI

**KERTAS PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKANINI
SEBAGAI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MENDAPAT
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

APRIL 2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku penulisan kertas projek penyelidikan PPP 6006 ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul**HAMZAH BIN MAT ALI**

ptbupsi

No.Matrik : M20041000084
Program Sarjana Pendidikan,
(Pengurusan Pendidikan)
Fakulti Perniagaan Dan Ekonomi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 TANJONG MALIM.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGESAHAN

Penulisan kertas projek penyelidikan PPP 6006 ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan), Fakulti Perniagaan Dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

.....
ENCIK KHALIP BIN MUSA

Penyelia Kursus Kertas Projek Penyelidikan PPP 6006
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim.

Tarikh : 6 APRIL 2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat serta limpah kurniaNya kajian ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Penyclia Projek iaitu En. Khalip Musa yang sentiasa bersedia memberi bimbingan dan tunjukajar dalam usaha menyempurnakan kajian ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada semua para pensyarah Program Sarjana Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mencerahkan jasa bakti serta ilmu pengetahuan kepada saya umpama ‘suluh budiman’ sepanjang mengikuti program yang berkenaan. Mereka yang tidak saya lupakan ialah Prof.Madya Dr. Omar A.Kareem, Prof.E.Dato`Dr.Isahak Haron, Prof.Dr.Osman Rani Hassan, Tuan.Haji Nazirmuddin, Dr.Khuan Wai Beng, Encik Jamal @ Nordin dan Encik Ibrahim Tamby Chek.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua kakitangan Pusat Pengajian Siswazah dan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi UPSI yang sentiasa melayani serta memberi kerjasama dan pertolongan. Sekalung terima kasih juga kepada Pegawai Pelajaran Daerah Maran En.Othman Md.Yusof serta pegawainya yang turut memberi dorongan dan sokongan. Tetap dalam ingatan ialah semua guru, kakitangan serta murid-murid yang dikasihi di SK.LKTP Jengka 16 yang selalu bersama-sama menitiskan benih-benih semangat keyakinan membara.

Paling istimewa, terima kasih buat ibu, ayah, isteri serta anak-anak tersayang yang sentiasa memberi kerjasama, harapan, doa restu dan inspirasi tulus suci bagi meniti hari-hari perjuangan yang penuh bermakna. Kesabaran kalian dalam menunggu hari-hari terluang amat-amatlah disanjung.

Buat rakan seperjuangan; sokongan, kerjasama serta dorongan ikhlas akan dikenang jua.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan memberkati usaha ini demi masa depan anak-anak didik serta profesion mulia yang diceburi ini.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuspi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah tugas dan fungsi kepimpinan pengetua dapat mempengaruhi masalah disiplin pelajar dan dapat mempengaruhi guru-guru untuk bersama-sama menangani masalah disiplin pelajar di sekolah menengah. Kajian ini melibatkan 58 orang sampel di kalangan guru dan 85 orang sampel dari kalangan pelajar di dua buah sekolah menengah di dalam kawasan pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Maran. Analisis deskriptif min, frekuensi dan peratus telah digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tugas dan fungsi kepimpinan memotivasi oleh penceramah dari luar sekolah paling dominan mempengaruhi disiplin pelajar. Selain itu adalah memberi dorongan dan semangat, peka dan prihatin terhadap disiplin pelajar dan memberi ganjaran serta pujian kepada pelajar. Bagi guru-guru, tugas dan fungsi kepimpinan memberi penerangan dan matlamat disiplin serta menerangkan keseluruhan perancangan sekolah kepada semua guru adalah dominan mempengaruhi mereka untuk bersama-sama dengan pengetua menangani masalah disiplin pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuspi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuspi

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine if there any contacts between the principles leadership functions and task with disciplinary problems among students associated its effect to the teachers in solving discipline problems in secondary schools. 58 samples of teachers and 85 samples of students from two schools in Maran District were selected. Analysis descriptive of mean, frequency and percentage were used in this study. The main finding shows that guest speakers rather than school administrators significantly influence student behavior modification associated to leadership task and functions. For teachers, leadership task and functions exposed entire school planning strategies and discipline objectives in order to handle school discipline matters collaboration with three school principles.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Rasional Kajian	8
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Istilah	10
1.8.1 Kepimpinan	10
1.8.2 Pengetua	11
1.8.3 Disiplin	11
1.8.4 Pelajar	11

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

	Muka Surat
2.1 Pengenalan	12
2.2 Tugas Dan Fungsi Kepimpinan Pengetua	12
2.3 Pengurusan Disiplin Pelajar	19
2.4 Perhubungan Peranan Kepimpinan Pengetua Dalam Menangani Masalah Disiplin Pelajar.	22
2.5 Peranan Pengetua Sebagai Pengurus Disiplin Pelajar	22
2.6 Peranan Pengetua Sebagai Pemimpin Disiplin	27
2.7 Peranan Pengetua Sebagai Perancang	32
2.8 Peranan pengetua Sebagai Pengawal dan Penyelia Disiplin	40
2.8 Peranan Pengetua Sebagai pengorganisasi Dan Pengkoordinasi	43
2.9 Peranan Pengetua Sebagai Motivator	45
2.10 Rumusan	48

BAB 3 METODOLOGI

	Muka Surat
3.1 Pengenalan	50
3.2 Kerangka Konseptual	50
3.3 Lokasi Kajian	53
3.4 Persampelan Kajian	53
3.5 Instrumen Kajian	53
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	58
3.7 Prosedur Analisis Data	59

BAB 4 DAPATAN**Muka Surat**

4.1 Pengenalan	60
4.2 Profil Sampel Pelajar	60
4.3 Profil Sampel Guru	62
4.4 Analisis Kajian	65

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**Muka Surat**

5.1 Pengenalan	72
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	72
5.2.1 Tugas Dan Fungsi kepimpinan Pengetua Yang Mempengaruhi Masalah Disiplin Pelajar	72
5.2.2 Tugas dan Fungsi Kepimpinan Pengetua Yang Mempengaruhi Guru Untuk Bersama-Sama Menangani Masalah Disiplin Pelajar	73
5.3 Perbincangan	74
5.4 Cadangan Pelaksanaan	80
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	82

SENARAI RUJUKAN**LAMPIRAN A – Borang Soal Selidik Pelajar****LAMPIRAN B – Borang Soal Selidik Guru****LAMPIRAN C – Surat Kebenaran PPPK, Kementerian Pelajaran****LAMPIRAN D – Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Pahang**

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
4.2.1 Bilangan Responden Pelajar Mengikut Tingkatan	61
4.2.2 Bilangan Responden Pelajar Mengikut Aliran	61
4.2.3 Bilangan Responden Pelajar Mengikut Jantina	62
4.2.4 Bilangan Responden Pelajar Mengikut Jawatan Di Sekolah	62
4.3.1 Bilangan Responden Guru Mengikut Jantina	63
4.3.2 Bilangan Responden Guru Mengikut Kelayakan Akademik	63
4.3.3 Bilangan Responden Guru Mengikut Jawatan Sekarang	64
4.3.4 Bilangan Responden Guru Mengikut Lama Mengajar	64
4.4.1 Skor Min Responden Pelajar: Nilai Min 3.5 Ke Atas	66
4.4.2 Skor Min Responden Pelajar: Nilai Min 3.4 Ke Bawah	67
4.4.3 Skor Min Responden Guru: Nilai Min 3.5 Ke Atas	69
4.4.4 Skor Min Responden Guru: Nilai Min 3.4 Ke Bawah	70



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.7.1 Langkah Mencapai Objektif Perancangan	36
3.2.1 Kerangka Konseptual Perhubungan Kepimpinan Pengetua Dalam Menangani Masalah Disiplin Pelajar Di sekolah	55



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 - Pengenalan

Sekolah adalah salah satu institusi pendidikan yang ingin memenuhi matlamat melahirkan warga negara yang berkaliber, cemerlang dan boleh memenuhi hasrat serta visi wawasan negara. Bagi mencapai visi dan wawasan tersebut, individu yang ingin dilahirkan daripada proses pendidikan ialah individu yang mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, liberal dan bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama, progresif dan makmur, dan sepenuhnya menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran, mampu bersaing serta mempunyai daya ketahanan. Atan Long (1991:83) menegaskan bahawa sistem pendidikan dalam konteks Malaysia hendaklah dapat membentuk tiap-tiap individu dengan seimbang ke peringkat optimum bagi menjadikannya rakyat yang berguna kepada masyarakat dan negara. Manakala matlamat jangka panjang sekolah adalah untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada pelajar melalui pembentukan nilai positif supaya menjadi warganegara yang baik. Selanjutnya, menurut Wan Mohd Zahid Noordin





(1993:9). bahawa wajah manusia yang ingin dilahirkan oleh sistem pendidikan negara berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan haruslah memenuhi ciri-ciri berikut;

- i) Pendidikan adalah usaha untuk mewujudkan budaya ilmu di mana sekolah merupakan permulaan perjalanan ke arah penerusan pencarian ilmu sehingga ke akhir hayat.
- ii) Manusia yang hendak dilahirkan oleh sistem pendidikan adalah manusia yang bermoral dan bertakwa yang percaya dan patuh kepada Tuhan.
- iii) Manusia yang akan muncul daripada sistem pendidikan adalah manusia yang seimbang dan harmonis dari segi emosi, jasmani, rohani dan intelek yang mempunyai ketrampilan dan ilmu pengetahuan yang dapat berpijak di atas kaki sendiri untuk berbakti dan berjasa kepada masyarakat dan negara.

Melihat dalam perspektif syumul (universal) Islam, proses pendidikan bukanlah sekadar memenuhi minda dengan segala ilmu pengetahuan, tetapi turut bermaksud untuk mendidik akhlak dan jiwa, membiasakan dengan kesopanan yang tinggi dan mempersiapkan generasi untuk satu kehidupan yang suci, ikhlas dan jujur. Dalam kata lain pendidikan merupakan proses pengembangan spiritual (rohani), fizikal (jasmani), pemikiran, intelektual, emosi dan akhlak yang berfungsi menyiapkan individu agar memberi sumbangan berkesan dalam kehidupan bermasyarakat dan bersosial serta dapat melaksanakan tugasnya sebagai ‘khalifah’





memimpin kehidupan di dunia dan mendapat kesejahteraan Allah di akhirat (Hassan Langgulung, 1987 ; Haron Din et.al. 1985)

Berdasarkan kepada tujuan dan matlamat sekolah dan matlamat pendidikan di atas, sekurang-kurangnya dapat dibuat dua rumusan yang penting; (i) bahawa sekolah sebagai sebuah institusi formal melaksanakan dasar-dasar pendidikan mempunyai fungsi, peranan dan tanggung jawab yang sangat penting bagi melahirkan warga negara yang berdisiplin dan berakhhlak tinggi disamping berilmu pengetahuan, berketrampilan, seimbang yang dapat berbakti serta mempunyai nilai keinsanan yang diperlukan oleh agama, bangsa dan negara serta (ii) pembentukan disiplin di sekolah adalah sama pentingnya dengan tugas penyebaran ilmu pengetahuan dan pendidikan. Malah keberkesan proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai perkaitan signifikan dengan kesempurnaan disiplin pelajar. Proses pendidikan tidak ada maknanya jika gagal melahirkan individu yang seimbang perkembangannya, berdisiplin, berakhhlak dan bermoral selain daripada berilmu pengetahuan serta berketrampilan.

Dalam merealisasikan hasrat serta matlamat membentuk warganegara atau wajah manusia yang mempunyai ciri-ciri tersebut, sudah tentu kepimpinan di peringkat sekolah yang secara khususnya ialah peranan atau fungsi kepimpinan pengetua menjadi faktor yang penting. Dalam menyatakan tahap kepentingan ini menegaskan bahawa pengetua sekolah merupakan ketua eksekutif sekolah (CEO). Dia merupakan strategis, pelaksana, pemandu, penggerak, penilai pencapaian sekolah. Jika dia bertenaga, maka bertenagalah sekolah itu dan begitulah sebaliknya.





Meski pun begitu, situasi yang berlaku di sekolah berhubung dengan tahap disiplin pelajar sangat membimbangkan semua pihak termasuk Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri dan juga Pejabat Pelajaran Daerah. Rata-rata masyarakat hari ini juga sedang kebingungan serta cukup merasa pilu dengan fenomena ini, lantas menimbulkan pelbagai persoalan bagi menanganinya. Jika ingin dicatatkan masalah ini sebagai contoh; pada Mac 2004 yang lalu, paling menyayat hati, seorang pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah agama di Seremban, Negeri Sembilan, mati akibat dibelasah lapan rakan sekolahnya. (Pendidik: Bil.15/2005). Pada Februari 2005, seorang pelajar tingkatan lima Maktab Rendah Sains Mara Pendang, Kedah, Mohd Zaki Shukri, patah satu tulang rusuk dan lebam di badan selepas dipukul lima orang rakan asrama. Pada Jun 2005 – pelajar Sekolah Menengah Agama Padang Tengku, Pahang, Muhammad Afiq Qusyairy Baharuddin 05-4506832 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi dipercayai dibuli dan kesannya mungkin menyebabkan lumpuh sepanjang hayat. Di Selangor pula, seorang pelajar tingkatan enam dilaporkan telah menikam perut teman wanitanya, pelajar tingkatan lima yang hamil lapan bulan selepas pertengkaran mengenai kedudukan kandungan itu di Kampung Indah, Banting. Akibatnya pelajar perempuan tersebut cedera parah dan kandungannya pula mati (Berita Harian: 14 September 2005). Diambang 2006, dilaporkan bahawa pekerja kilang, pelajar institut pengajian tinggi (IPT) dan pelajar sekolah menengah kini berada dalam kelompok utama “carta” tangkapan khalwat jabatan agama Islam di negara ini. Sebagai contoh di Kedah, dalam tempoh Januari hingga November 2005, seramai 200 orang pelajar IPT dan pelajar sekolah menengah semuda 14 tahun ditahan kerana berkhalwat (Metro, 1 Januari 2006).





Selain daripada rentetan masalah disiplin pelajar yang disebutkan di atas. laporan *Bernama* di dalam majalah Pendidik Bilangan 15/2005 mengenai kadar jenayah di kalangan pelajar menunjukkan peningkatan sejak tiga tahun lalu dengan 200 kes dan 120 tangkapan setiap bulan. Seterusnya statistik Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2005, purata 121 pelajar di tahan setiap bulan kerana terbabit dalam 1048 kes jenayah di seluruh negara. Statistik Polis Diraja Malaysia pula menunjukkan lebih 600 kes gansterisme dilaporkan sepanjang tempoh tujuh bulan pertama tahun ini. Angka tersebut meningkat berbanding lebih 500 kes direkodkan tahun lalu.

Sehubungan itu, pengetua yang merupakan individu terpenting dalam sesebuah organisasi sekolah semasa melaksanakan fungsi pengurusan dan kepimpinannya seharusnya mempunyai ‘package’ kepimpinan yang mantap serta utuh bagi memberi pengaruh dalam menangani masalah disiplin pelajar di sekolahnya. Disiplin merupakan faktor penting untuk menentukan kejayaan seseorang individu, keluarga, masyarakat dan negara. Petikan kata-kata YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyebut; “ apa gunanya kita melahirkan banyak pelajar cemerlang tetapi masa yang sama kita melahirkan pelajar tidak bermoral seperti suka berbohong, menipu dan kurang ajar “ (Utusan Malaysia: 5 Disember 2005). Sementara itu, Dato’Seri Hishamuddin Tun Hussein pula meluahkan; “sebagaimana saya mengharapkan untuk anak-anak saya sendiri, begitu jugalah saya mengharapkan setiap warga muda Malaysia untuk menjalani zaman persekolahan tanpa keganasan dan sikap tiada toleransi’ (Dewan Masyarakat: April 2005). Malah kejayaan serta kegemilangan sesebuah sekolah juga berkaitan rapat dengan tahap disiplin para pelajarnya seperti kata-kata Tun Dr.Mahathir Mohamad





beberapa tahun lalu "... *a good character is more important than a doctorate in philosophy*" (Pendidik:Bil.15/2005).

1.2 – Pernyataan masalah.

Pembentukan disiplin di sekolah adalah sama pentingnya dengan tugas penyebaran ilmu pengetahuan dan pendidikan. Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesempurnaan disiplin pelajar (Omardin Ashaari, 1996). Selanjutnya Dr. Chris Kriacou (2000) dalam dapatan kajiannya menyatakan; disiplin dalam bilik darjah adalah sebagai suatu kawalan yang membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan berkesan. Jika direncanakan konsep pengajaran dan pembelajaran, maka ia ialah juga

sebahagian daripada konsep ‘kepimpinan pengajaran’ (Hussien Mahmood, 1993).

Sementara Morgan & Hall (1982) yang dipetik oleh Hussien Mahmood (1993) menyatakan bahawa tugas atau proses pengajaran dan pembelajaran ialah sebahagian daripada tugas seorang pengetua. Sehubungan itu, fungsi kepimpinan pengetua sentiasa mempunyai perkaitan rapat dan utama dengan tahap disiplin di sekolah yang tidak boleh tidak, mesti dicaknakan.

Pengetua memainkan peranan utama sebagai pemimpin pengajaran (*instructional*) dan pemimpin pentadbiran (*transactional*). Oleh itu pengetua perlu memiliki pelbagai kemahiran personel, profesional dan sosial serta mempunyai kekuatan mental, fizikal dan kerohanian untuk melahirkan sekolah yang efektif. Pengetua juga perlu arif mengurus perubahan untuk mengetuai organisasi sekolah melakukan perubahan dalaman serta luaran sekolah. Maka pengetua perlulah





berwawasan bagi membolchkan berperanan sebagai pendorong dan perancang perubahan serta membentuk budaya sekolah yang sihat serta kondusif. Hussien Mahmud (1993) melaporkan bahawa pengetua berkesan telah menunjukkan kebolehan untuk membawa sekolah ke arah pencapaian matlamat, disamping membimbing guru dan para pelajar serta seluruh organisasi sekolah ke arah satu tujuan dan bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat yang sama. Dalam konteks sekolah yang efektif salah satu daripada ciri-cirinya adalah disiplin kendiri pelajar selain daripada kepimpinan sekolah, pengurusan sekolah, etos sekolah, guru dan pengajaran, kurikulum, pembelajaran, pembacaan, bangunan sekolah serta saiz sekolah (Sharifah Md.Nor, 2000).

Sehubungan itu, pengetua sekolah sebagai individu yang paling penting dalam menjalankan proses mengurus dan memimpin organisasi sekolah seharusnya mampu dan berjaya memberi pengaruhnya dalam membasmi masalah ini. Keupayaan itu dilihat dengan kebolehannya menggunakan segala sumber dipersekutaran sekolah termasuklah para guru dan kakitangan, pelajar, ibubapa / penjaga serta seluruh warga sekolah serta pihak-pihak berkepentingan dengan di luar sekolah. Jika ini dapat digembelingkan ke tahap optimum secara menyeluruh dan berkesan, peluang kejayaan mengatasi masalah disiplin pelajar akan lebih tinggi.

Maka kajian ini akan memberi tumpuan dan fokus kepada sejauh manakah kepimpinan pengetua dalam menangani masalah disiplin pelajar.





1.3 – Rasional kajian.

Pengetua yang memiliki kapasiti kepimpinan yang berkemampuan dan dapat melaksanakan fungsi kepimpinan secara berkesan dan berwibawa adalah sangat penting dan dijangka memberi impak kepada masalah disiplin pelajar di sekolah. Malah pengetua sekolah sering disebut sebagai individu yang paling berpengaruh dan penting dalam setiap aspek, program dan aktiviti di sekolah termasuklah aspek disiplin pelajar. Tahap kepimpinannya yang menetapkan nada sekolah, iklim pembelajaran, tahap profesionalisma dan moral guru serta darjah keprihatinan terhadap masa depan para pelajar. Pengetua juga adalah penghubung utama antara sekolah dengan komuniti dan stail dia menjalankan tugas dalam konteks ini menentukan sikap para ibu bapa dan pelajar terhadap sekolah. Seseorang akan mengatakan kepimpinan pengetua yang menyebabkan sekolah itu berjaya. Inovatif, tempat tumpuan pelajar, terkenal kerana kecemerlangan serta gemilang dalam pembelajaran, dan terdapat pelajar yang gigih, tekun, berketrampilan serta berjaya mengikut kebolehan masing-masing.

Bertolak dari situ, satu kajian perlu dijalankan untuk mengetahui tugas dan fungsi kepimpinan pengetua dan memberi huraian lebih lanjut mengenainya. Maka dapat memberi kefahaman lebih terperinci serta memberi sumbangan kepada pengurusan dan kepimpinan pengetua di sekolah dalam mengatasi masalah disiplin pelajar. Kejayaan mengatasi isu disiplin pelajar akan memberi ruang dan peluang kepada organisasi sekolah memberi fokus kepada kejayaan dalam bidang akademik dan juga kejayaan dalam bidang-bidang lain seperti kurikulum, keceriaan, pentadbiran dan pengurusan sekolah secara menyeluruh.



1.4- Tujuan kajian.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti serta meneliti sejauh manakah kepimpinan pengetua dalam menangani masalah disiplin pelajar.

1.5- Persoalan kajian.

- a) Sejauh manakah pengetua dapat mempengaruhi masalah disiplin pelajar di sekolah ?
- b) Sejauh manakah kepimpinan pengetua dapat mempengaruhi guru-guru untuk bersama-sama menangani masalah disiplin pelajar di sekolah ?

1.6- Kepentingan kajian.

Sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan yang berhasrat menjadi salah satu daripada pusat kecemerlangan pendidikan tidak seharusnya mengukur kejayaannya melalui pencapaian dalam peperiksaan akademik semata-mata. Tetapi yang lebih utama dan penting ialah tahap disiplin, akhlak, sahsiah serta moral para lepasannya, selaras dengan hasrat yang direncanakan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan wawasan negara. Dalam dunia tanpa sempadan, para pelajar tidak lagi bersaing sesama mereka di dalam Malaysia, sebaliknya bersaing dengan seluruh masyarakat dunia. Justeru pelajar yang ingin dilahirkan daripada sistem pendidikan ialah yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi, berilmu dan berkeyakinan serta berakal budi yang juhur. Dalam melahirkan pelajar yang cemerlang, perlu dipastikan bahawa mereka juga cemerlang dari segi disiplin dan moral dan ini merupakan modal insan (*human capital*) yang boleh diharapkan untuk membangunkan negara. Maka kajian ini akan dapat melihat sejauh mana fungsi kepimpinan pengetua menangani masalah



disiplin pelajar agar dapat mencapai hasrat dan cita-cita serta tujuan pendidikan yang dinyatakan itu.

Dapatkan kajian ini juga akan menjadi sumber asas maklumat dan panduan permulaan kepada para pengurus sekolah, para pentadbir pendidikan, guru-guru serta pihak-pihak yang berkepentingan dengan pendidikan samada di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Bahagian / Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran berhubungan dengan fungsi kepimpinan pengetua dalam menangani masalah disiplin pelajar di sekolah.



Kajian ini akan melibatkan 2 buah sekolah menengah dalam pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Maran. Manakala responden kajian adalah guru-guru dan pelajar. Oleh kerana fungsi-fungsi kepimpinan adalah sangat meluas, kajian ini hanya akan memberi liputan fokus kepada fungsi kepimpinan sebagai pengurus, pemimpin, perancang, penyelia, penyelaras dan motivator dalam bidang disiplin pelajar sekolah sahaja.

1.8- Definisi istilah.

1.8.1- Kepimpinan.

Kepimpinan ialah satu fenomena proses manusia yang sistematik untuk mengurus, memimpin, menyelaras, mengawal, merancang, mengorganisasi, mengkoordinasi dan memotivasi bagi mencapai matlamat bersama tanpa paksaan.





1.8.2- Pengetua.

Pengetua ialah individu yang dilantik secara formal memegang jawatan paling tinggi dalam hiraku struktur pentadbiran di sekolah menengah. Ia bertindak sebagai ketua atau pemimpin profesional dan pemimpin pentadbiran.

1.8.3- Disiplin.

Di dalam Akta Pendidikan 1996 (Peraturan Pendidikan 1998), disiplin ditakrifkan sebagai “cara perlakuan yang ditetapkan kepada murid dalam alam persekolahannya bagi mewujudkan tingkahlaku yang kondusif demi kesempurnaan sistem dan proses pendidikan”.



Mengikut buku Rekod Salah Laku / Masalah Disiplin Pelajar, ada lapan jenis salah laku disiplin pelajar iaitu tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tingkahlaku tidak mementingkan masa, tingkahlaku kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tingkahlaku tidak jujur / menipu dan ponteng.

1.8.4- Pelajar.

Pelajar ialah individu yang sedang belajar di sesebuah sekolah menengah dari tingkatan 1 hingga tingkatan 6 (secara normal berumur antara 13 tahun hingga 19 tahun). Tugas utama mereka ialah untuk mengikuti proses pembelajaran di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah, mengikut kurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran.

